



**KENYATAAN MEDIA
KERAJAAN NEGERI PERLIS**

**MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2022
YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR PERLIS
DAN PELANCARAN INISIATIF KEBANGKITAN PERLIS**

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis telah menyampaikan amanat beliau dalam Majlis Amanat YAB Menteri Besar sempena tahun baru 2022 bersama ketua – ketua jabatan negeri dan persekutuan di Dewan 2020 pada 4 Januari 2022.

YAB Menteri Besar telah menyatakan hasrat dan aspirasi beliau dalam memacu agenda pembangunan negeri Perlis dan mendepani pandemik Covid-19 dan ketidakpastian ekonomi. YAB Menteri Besar menyeru agar semua ketua jabatan dapat memainkan peranan yang lebih proaktif dan berkesan dalam melaksanakan tanggungjawab dan memberi perkhidmatan yang terbaik berpandukan pendekatan “*development centric*” dan “*people centric*”.

Mengambil iktibar daripada kejadian bencana alam yang melanda beberapa negeri di Semenanjung Malaysia, YAB Menteri Besar menegaskan kepentingan untuk meletakkan penjagaan alam sekitar sebagai keutamaan. Aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar perlu diambil kira dalam perancangan sesebuah projek pembangunan bagi memastikan kelestarian dan keseimbangan ekosistem. Langkah ini perlu untuk mengelakkan berlakunya malapetaka di masa hadapan seterusnya mendatangkan kesusahan kepada rakyat Negeri Perlis. Kerajaan Negeri juga akan menjadikan pemeliharaan alam sekitar sebagai satu dasar dalam merangka program pembangunan.

Dalam majlis yang sama, YAB Menteri Besar turut melancarkan Inisiatif Kebangkitan Negeri Perlis yang bertujuan memulihkan sektor ekonomi, kesihatan dan sosial yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dan sebagai langkah bagi mengembalikan semula Perlis ke landasan menuju matlamat Perlis Negeri Bandaraya 2030. Inisiatif ini merangkumi lima (05) pelan strategik iaitu Pelan Strategik Pejabat Setiausaha

Kerajaan Negeri Perlis, Pelan Antirasuah Negeri Perlis, Pelan Strategik Pendigitalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pelan Strategik Perlis Bersih Sihat dan Pelan Pembangunan Sukan Negeri Perlis.

Kerajaan Negeri Perlis

4 Januari 2022

Semua kenyataan rasmi Kerajaan Negeri Perlis hanya dipaparkan di portal rasmi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis untuk rujukan awam : www.perlis.gov.my